



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA KELUARGA PB BAHARUDDIN BIN SAPUAN



Pada 20 Jun 2020, YB Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Keluarga PB Baharuddin Bin Sapuan. Turut hadir pada majlis ini adalah Ketua Pengarah JBPM, Datuk Mohammad Hamdan Wahid dan Pengarah JPBM Kuala Lumpur, Tuan Nordin Pauzi.

Dalam majlis ini, YB Zuraida telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM218,989.50 kepada waris PB Baharuddin bin Supian yang telah terlibat dengan kemalangan jalan raya pada 7 Jun 2020 yang lalu. Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia lebih daripada 20 tahun dalam Pasukan Khas Rapid Intervention Motorcycle (RIM).

Turut diserahkan adalah sumbangan peribadi YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin kepada anak-anak waris. Semoga pemberian sumbangan ini akan meringankan beban dan mengembirakan waris.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneliti cadangan mewujudkan tabung bantuan pembiayaan bagi membantu keluarga kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) yang meninggal dunia ketika bertugas.

Menerusi temubual media, YB Zuraida menjelaskan Kementerian akan mempertimbangkan usaha mewujudkan tabung bantuan pembiayaan bagi membantu keluarga kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) yang meninggal dunia ketika bertugas. Ia merupakan usaha mengiktiraf dan menghargai sumbangan anggota petugas yang berkhidmat dengan agensi itu.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat